

# **GARIS PANDUAN KURIKULUM PERSATUAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH**

**KELOLAAN:**

SUBunit bahasa melayu

UNIT KOAKADEMIK

Sektor pengurusan aktiviti murid

Bahagian kurikulum dan kesenian

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



## **GARIS PANDUAN KURIKULUM PERSATUAN BAHASA MELAYU**

### **1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Murid merupakan modal insan yang sangat berharga untuk menentukan arah pembangunan negara pada masa akan datang. Dalam konteks pendidikan kebangsaan, kegiatan kokurikulum merupakan satu program penting demi membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Secara umum kegiatan kokurikulum yang sedia ada telah membina disiplin murid dan meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran. Namun demikian, masih banyak ruang yang perlu dipenuhi untuk mengisi agenda generasi muda pada era yang semakin mencabar. Bagi mengisi tuntutan ke arah negara maju, kita perlu menyediakan golongan murid yang dinamik dan berkualiti serta mempunyai perkembangan sahsiah yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI).
  
- 1.2 Menyedari keperluan ini, Persatuan Bahasa Melayu di semua sekolah menengah mestilah bergerak aktif demi memenuhi kepelbagaian cita rasa, minat dan bakat murid berdasarkan objektif dan matlamat yang dihasratkan.

### **2.0 RASIONAL**

Menyedari hakikat bahawa kemahiran berkomunikasi amat penting dan diberikan penekanan pada masa ini, Persatuan Bahasa Melayu di sekolah wajarlah digerakkan dengan lebih aktif untuk memenuhi tuntutan tersebut. Selain meningkatkan kemahiran komunikasi murid, aktiviti yang dilaksanakan dapat menyuburkan minat dan mencambahkan bakat mereka dalam pelbagai bidang seperti aktiviti puisi, penulisan, lakonan dan seumpamanya. Selain itu, masa terluang murid sebagai modal insan dapat diisi dengan kegiatan yang bermanfaat dan masalah salah laku dalam kalangan remaja seperti budaya hedonisme, buli, peras ugut, lumba haram, ponteng sekolah dan sebagainya dapat diatasi. Oleh hal yang demikian, aktiviti Persatuan Bahasa Melayu diharap menjadi pemangkin dalam mengembangkan semua aspek potensi manusia yang berteraskan ilmu dan amal ke arah pembinaan dan pengukuhan sahsiah murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu usaha untuk membina negara bangsa, membangunkan modal

insan, memperkasakan bahasa kebangsaan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan, dapat direalisasikan.

### **3.0 MATLAMAT**

Melahirkan modal insan yang berketerampilan dalam pelbagai aspek, berdisiplin, memiliki sahsiah yang terpuji dan mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu yang gramatis sejajar dengan aspirasi negara.

### **4.0 OBJEKTIF**

- 4.1 Menyuburkan perasaan cinta akan bahasa Melayu
- 4.2 Menggunakan bahasa Melayu dengan gramatis
- 4.3 Menyemai perasaan cinta akan sekolah, negeri dan negara supaya wujud warganegara yang berkualiti dan memiliki jati diri yang unggul
- 4.4 Mewujudkan Persatuan Bahasa Melayu di sekolah yang bergiat aktif sepanjang tahun untuk melatih murid yang berkebolehan, berkeyakinan tinggi, berketerampilan dan dapat berkomunikasi dengan baik
- 4.5 Meningkatkan minat, mengembangkan bakat dan kemahiran murid dalam aktiviti yang dirancang
- 4.6 Memaksimumkan penglibatan, kerjasama dan sumbangan dua hala antara sekolah dengan ibu bapa serta membantu murid berinteraksi dengan masyarakat
- 4.7 Membina sikap yang positif dan bertanggungjawab terhadap pemeliharaan bahasa dan budaya Melayu
- 4.8 Menggalakkan murid menyumbang idea, kemahiran, tenaga dan kreativiti serta menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan
- 4.9 Melahirkan modal insan yang berkualiti dan sentiasa prihatin terhadap isu-isu bahasa di samping menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid
- 4.10 Menanam dan memupuk sahsiah yang terpuji, sifat kepimpinan yang unggul dan peka akan nilai-nilai kemasyarakatan dalam kalangan murid

## 5.0 GARIS PANDUAN KURIKULUM PERSATUAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

(TAHUN 4, 5 DAN 6)

PERJUMPAAN	TAJUK	AKTIVITI	CATATAN
1	Mesyuarat Agung	<ul style="list-style-type: none"><li>• pendaftaran ahli baharu</li><li>• ucapan pengurus</li><li>• membentangkan dan mengesahkan minit mesyuarat yang lepas</li><li>• membentangkan laporan tahunan</li><li>• membentangkan dan menerima laporan kewangan</li><li>• pembubaran jawatankuasa lama dan melantik pengurus sementara</li><li>• melantik jawatankuasa baharu</li><li>• pembentangan usul</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• menyediakan peralatan untuk mesyuarat seperti alat tulis dan alat siar raya</li></ul>
2	Menceriakan papan kenyataan Persatuan Bahasa Melayu	murid bekerja secara berkumpulan untuk menghias dan menceriakan papan kenyataan dengan menampalkan carta organisasi persatuan, peribahasa, pantun, syair, sajak, biodata dan sumbangan tokoh bahasa, dan istilah bahasa	

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
3	Permainan Bahasa (Teka Silang Kata)	<p>guru menerangkan cara permainan tersebut,</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• dalam kumpulan, setiap ahli melengkapkan kata dengan huruf yang sesuai sehingga menjadi kata yang lengkap</li> <li>• pengumuman pemenang</li> </ul>	
4	Pantun Teka-teki	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli memberikan pelbagai contoh teka-teki</li> <li>• guru menerangkan cara mencipta teka-teki berdasarkan pantun empat kerat</li> <li>• dalam kumpulan, ahli mencipta sekurang-kurangnya dua rangkap pantun teka-teki</li> <li>• wakil kumpulan mempersembahkan pantun teka-teki masing-masing</li> <li>• setiap kumpulan mempamerkan pantun teka-teki yang telah dihasilkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• contoh pantun teka-teki:</li> <li>• Pagi minggu pergi membajak, pergi bersama anak lelaki, jika tuan orang yang bijak, apakah haiwan berkeris di kaki</li> <li>• (kumpulan lain menjawab teka-teki yang dikemukakan)</li> </ul>

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
5	Bercerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengadakan tayangan CD bercerita</li> <li>• berbincang tentang pertandingan bercerita yang telah ditonton</li> <li>• ahli-ahli menyampaikan cerita berdasarkan bahan yang telah disediakan oleh mereka</li> <li>• menyampaikan cerita dengan cara yang bersahaja dan menarik.</li> <li>• ahli-ahli menyampaikan cerita berdasarkan bahan yang telah disediakan oleh mereka</li> <li>• menyampaikan cerita dengan cara yang bersahaja dan menarik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli diminta menyediakan bahan seminggu sebelum perjumpaan</li> <li>• tayangan CD pertandingan bercerita</li> </ul>
6	Pengucapan Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru menerangkan cara pengucapan awam yang menarik</li> <li>• ahli menyediakan bahan berdasarkan tema yang diberi</li> <li>• menyampaikan pengucapan umum dengan cara yang menarik</li> <li>• mengulas pengucapan awam ahli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli mencari bahan yang berkaitan</li> </ul>

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
7	Pidato / Syarahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengadakan tayangan pidato / syarahan</li> <li>• berbincang tentang pidato / syarahan yang telah ditonton</li> <li>• ahli-ahli menyampaikan pidato berdasarkan bahan yang telah disediakan oleh mereka</li> <li>• menyampaikan pidato dengan cara yang betul dan menarik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli diminta menyediakan bahan seminggu sebelum perjumpaan</li> <li>• tayangan CD Pidato</li> </ul>
8	Nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan</li> <li>• murid diberi kebebasan memilih lagu-lagu yang sesuai seperti lagu patriotik, lagu rakyat, lagu kanak-kanak atau sebarang lagu yang berunsurkan moral dan pengajaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• aktiviti nyanyian dapat menyemai nilai estetika dan cinta akan seni dalam jiwa murid</li> </ul>
9	Sajak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli-ahli menyatakan pelbagai jenis puisi yang diketahui</li> <li>• ahli menyenaraikan ciri-ciri sajak</li> <li>• guru menerangkan teknik mudah menghasilkan sajak</li> <li>• ahli-ahli mengarang sajak</li> <li>• ahli-ahli mendeklamasikan sajak dengan sebutan yang betul</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru menggunakan 'teknik permata' untuk memudahkan ahli mencipta sajak</li> </ul>

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
10	Syair	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru menerangkan cara-cara mengarang syair yang baik</li> <li>• ahli-ahli mengarang syair</li> <li>• guru memperdengarkan syair</li> <li>• ahli-ahli melagukan syair dengan betul</li> <li>• guru merakamkan penyampaian syair yang betul</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bersyair secara langsung/Pita rakaman</li> </ul> <p>Contoh : Syair Siti Zubaidah, Syair Dandan Setia</p>
11	Seni Lakon/Teater	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli membentuk kumpulan</li> <li>• ahli-ahli melagukan syair dengan betul</li> <li>• setiap kumpulan memilih tajuk yang sesuai untuk dilakukan</li> <li>• persembahan lakonan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• setiap kumpulan telah bersedia sekurang-kurangnya dua minggu sebelum perjumpaan diadakan</li> </ul>
12	Bicara Berirama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru menerangkan konsep bicara berirama</li> <li>• guru menyediakan bahan berdasarkan tema</li> <li>• menyampaikan bicara berirama dengan cara yang menarik</li> <li>• mengulas persembahan murid beri tema dan murid menyediakan skrip untuk pertandingan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• setiap kumpulan bersedia dengan skrip untuk pertandingan</li> </ul>

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
13	Bicara Berirama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pertandingan bicara berirama mengikut kumpulan yang ditetapkan</li> <li>• guru menerangkan kriteria pemarkahan</li> <li>• murid memulakan pertandingan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru sebagai hakim menentukan pemenang</li> </ul>
14	Wawancara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru menetapkan tajuk wawancara</li> <li>• guru menerangkan ciri-ciri wawancara yang baik</li> <li>• aktiviti simulasi dijalankan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli dibahagikan kepada tiga kumpulan           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. panel</li> <li>ii. wartawan</li> <li>iii. penonton</li> </ul> </li> </ul>
15	<p>Menghasilkan Buku Skrap</p> <p>Menghasilkan koleksi berita daripada akhbar berkaitan dengan sesuatu tajuk (contoh pencemaran) untuk digunakan sebagai bahan menulis pertandingan eseи</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• murid bersedia dengan buku skrap dan bahan berita yang disediakan lebih awal (tiga minggu)</li> <li>• guru menerangkan buku skrap yang ingin dihasilkan</li> <li>• mempersempahkan hasil buku skrap berdasarkan kreativiti masing-masing</li> <li>• mendapatkan maklumat untuk menulis eseи deskriptif/rencana</li> <li>• murid menyelesaikan eseи tersebut dalam tempoh seminggu sebelum dinilai oleh guru (dihantar untuk pertandingan di sekolah/daerah/negeri/kebangsaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bahan-bahan surat khabar</li> </ul>

<b>PERJUMPAAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
16	Permainan Sahibba	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru memberikan permainan sahibba kepada murid</li> <li>• murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan</li> <li>• ahli kumpulan berusaha mengeja perkataan dengan betul dalam jangka masa yang ditetapkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menyediakan peralatan permainan sahiba</li> </ul>
17	Kembara Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• guru memberi taklimat dan tugas yang perlu dilakukan</li> <li>• melawat tempat-tempat yang menarik dan berkaitan (luar negeri)</li> <li>• ahli menyiapkan tugas yang ditetapkan</li> <li>• ahli-ahli menghantar laporan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• contoh tugasan:</li> <li>• menyenaraikan keistimewaan tempat yang dilawati</li> <li>• menyediakan diari lawatan</li> </ul>
18	Karnival Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengadakan pertandingan aktiviti terpilih sebagai persiapan tahun hadapan</li> <li>• murid menyediakan lokasi pertandingan</li> <li>• melantik hakim</li> <li>• melantik pengurus pertandingan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bicara berirama</li> <li>• berbalas pantun</li> <li>• cerita dan pidato</li> </ul>

PERJUMPAAN	TAJUK	AKTIVITI	CATATAN
19	Jamuan Akhir Tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>• mengedarkan kad undangan</li><li>• menyediakan tempat jamuan</li><li>• menceriakan tempat jamuan</li><li>• menyediakan menu dan atur cara</li><li>• ucapan, jamuan dan penyampaian hadiah/sijil penghargaan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• mesyuarat tentang jamuan tersebut telah diadakan 2 minggu sebelum jamuan berlangsung</li></ul>

**Cadangan aktiviti perjumpaan di atas boleh disusun semula mengikut kesesuaian dan guru boleh menambah nilai aktiviti yang dicadangkan.**